



UniSHAMS

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

IKLAN JAWATAN KOSONG PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) ingin mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:



MAKLUMAT JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F29 (WEBMASTER)

Kumpulan Perkhidmatan	Pelaksana
Jawatan	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Gred Jawatan	F29
Bidang	Teknologi Maklumat
Skala Gaji	RM 1,549.00 (Minimum) – RM 5,679.00 (Maksimum)
Tempoh Lantikan	Dua (2) Tahun
Taraf Lantikan	Kontrak (<i>Contract of Services</i>)



SYARAT PERMOHONAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F29

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- 1) Warganegara Malaysia.
- 2) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya ; atau
- 3) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya ; atau
- 4) Diploma dalam bidang Sains Komputer / Teknologi Maklumat / Multimedia / Reka Bentuk Web / Reka Bentuk Grafik yang diiktiraf Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- 5) Diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 6) Memiliki Kepujian sekurang-kurangnya dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 7) Pengalaman sekurang-kurangnya empat (4) tahun dalam bidang penyenggaraan atau projek pembangunan laman web organisasi / institusi bersaiz sederhana atau besar. Pemohon diminta menyediakan bukti penglibatan projek.



SKOP TUGAS UTAMA

- i. Mengurus sistem laman web rasmi universiti termasuk domain, hosting, dan keselamatan laman.
- ii. Menyelenggara serta memastikan ketepatan dan keseragaman maklumat yang disiarkan.
- iii. Membangunkan struktur dan rekabentuk antara muka pengguna (UI/UX) yang mesra pelawat.
- iv. Menyelaraskan integrasi sistem dalaman universiti seperti portal pelajar, sistem akademik dan e-buletin.
- v. Menjamin keselamatan laman web dari ancaman siber serta melaksanakan langkah pencegahan dan pemulihan.
- vi. Menyediakan laporan prestasi dan analisis trafik laman web.
- vii. Memberi khidmat sokongan teknikal kepada jabatan lain berkaitan pemeliharaan kandungan laman web.



ASPEK KEPAKARAN TEKNIKAL

Kemahiran Diperlukan

- i. Berkemahiran dalam HTML, CSS, JavaScript, PHP, dan CMS seperti WordPress, Joomla, atau Drupal.
- ii. Pengetahuan Asas dalam pengurusan server, domain, DNS, SSL, dan pangkalan data (MySQL).
- iii. Kemahiran reka bentuk menggunakan Figma, Adobe XD, Photoshop, atau Canva Pro.
- iv. Kefahaman asas tentang keselamatan laman web dan pengurusan "*data backup*".
- v. Kemampuan menulis dan menyunting kandungan web dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- vi. Kecekapan menggunakan Google Analytics / Search Console untuk analisis prestasi laman.

Ciri-ciri Peribadi

- i. Kreatif, inovatif dan sentiasa mengikuti perkembangan teknologi digital.
- ii. Teliti, bertanggungjawab, serta mampu bekerja secara berdiskusi dan dalam pasukan.
- iii. Komited terhadap masa dan kualiti kerja.
- iv. Peka terhadap imej korporat serta dasar komunikasi universiti.



KAEDAH PERMOHONAN

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan secara atas talian (*online*) di laman sesawang <https://erekrut.unishams.edu.my/home.php> dan muat naik dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar pada pautan **Google Form** yang dinyatakan di dalam laman sesawang tersebut.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI URUSETIA

En. Muhammad Hanafi Bin Masri
Unit Perjawatan (Bukan Akademik) Bahagian Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar
E-mel: unitperjawatan@unishams.edu.my | No. Telefon: 04-4491057

TARIKH TUTUP PERMOHONAN
23 NOVEMBER 2025